

Metro Harian- 4 May 2011

Penyelidik tempatan diiktiraf

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@hmetro.com.my

LANGKAH kerajaan memberi penumpuan dan galakan penuh terhadap penyelidikan dan pembangunan inovasi di institusi pendidikan tinggi (IPT) membuktikan bidang itu mempunyai masa depan cerah untuk dikomersialkan.

Penyelidikan dan inovasi mempunyai impak besar mempengaruhi perjalanan serta perubahan kehidupan sejagat.

Malangnya masih ada mempertikaikan kemampuan hasil penyelidikan dan inovasi tempatan kononnya tidak setanding dengan penyelidikan di luar negara.

Persoalannya mengapakah sentimen ini wujud di kalangan masyarakat sedangkan mereka sepatutnya berbangga dengan penghasilan produk anak tempatan?

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Dr Noraini Idris, berkata sikap masyarakat yang terlalu mengagungkan hasil penyelidikan dan inovasi luar, perasaan tidak yakin terhadap penemuan anak tempatan serta kurangnya maklumat dan publisiti antara punca wujudnya pandangan skeptikal itu.

Beliau berkata, memang menjadi budaya masyarakat negara ini yang terlalu memandang kejayaan orang luar berbanding hasil sendiri walaupun ia tidak banyak berbeza.

“Malah sudah banyak produk dan kejayaan penyelidikan negara mencipta nama di peringkat antarabangsa, malangnya masih belum mampu membuka mata masyarakat kita.

“Masalah masyarakat sering dimomokkan dengan perspektif salah menyebabkan penyelidikan dan inovasi kita dikelaskan taraf kedua padahal ia tidak benar,” katanya.

Biarpun dibarisi kejayaan demi kejayaan selain pelbagai penemuan baru hingga dunia turut mengiktiraf, bagi masyarakat itu hanya kejayaan picisan jika dibandingkan penemuan luar.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara membangun, usaha kini boleh dibanggakan kerana bukan mudah bersaing dengan dunia luar yang berpengalaman dan berkepakaran.

Jika mengikut ukuran kemampuan, katanya, penyelidikan dan inovasi di negara ini masih jauh ketinggalan selain memerlukan pelbagai kemudahan canggih yang tidak mungkin dapat disediakan sekelip mata.

“Namun dalam kekurangan itu, kita masih lagi mampu menghasilkan kejayaan dan ini jelas memperlihatkan usaha keras pelbagai pihak untuk bersaing.

“Kita belum mampu bersaing sepenuhnya, tapi ini bukan bermakna penyelidikan tempatan tidak bijak atau berkebolehan, malah penyelidikan kita membuktikan hasil penyelidikan mereka turut menjadi rujukan orang luar.

“Ini patut dibanggakan kerana bukan mudah mereka yang lebih maju mengiktiraf kejayaan orang lain. Tapi jika mereka boleh, mengapa kita tidak menyokong?”

“Pengukuhan nama negara bukan saja bergantung pada kestabilan ekonomi, politik dan sosial malah pendidikan juga kini menjadi fokus utama negara luar,” katanya.

Menurutnya, kepelbagaian serta pengukuhan penyelidikan dan inovasi memberi gambaran awal kemampuan negara dalam menyediakan sistem pendidikan yang baik.

“Masyarakat perlu faham, pengukuhan itu bukan saja boleh melonjakkan lagi nama negara, malah membuka banyak peluang kerjasama yang boleh menghasilkan impak positif terhadap pembangunan dan sosio ekonomi.

“Jadi, mengapa kita mesti memperlekehkan satu usaha murni yang dilakukan ini?,” katanya.

Mengakui kejayaan penyelidikan dan inovasi tidak boleh dinikmati sekelip mata, malangnya itulah kesilapan masyarakat yang sentiasa berharap hasil kajian dibentangkan secepat mungkin.

“Penyelidikan dan inovasi bukan semudah melaksanakan kertas pembentangan kerja, ada standard, prosedur dan pelbagai lagi perlu dipatuhi.

“Ia adalah proses pembelajaran, penambahbaikan dan penyesuaian yang berterusan, kerana itu hasilnya bukan sekelip mata.

“Tambahan pula ada penyelidik yang turut terikat dengan tanggungjawab akademik serta kekangan bajet, menjadikan bidang ini satu cabaran berat.

“Apapun, penyelidik perlu mempunyai semangat kental dan mengetepikan segala tohmahan sebaliknya buktikan dalam keadaan serba kekurangan, mereka boleh berjaya,” katanya.

INFO

CIRI-ciri penyelidikan yang baik adalah berasaskan prinsip saintifik dan etika. Antaranya ciri-ciri saintifik ialah penjelasan, ramalan, corak, pengulangan, replikasi dan kuantifikasi.

Manakala ciri-ciri am seperti objektiviti, keesahan, kebolehpercayaan, kebolehtadbiran serta kebolehtafsiran juga dan mesti mematuhi nilai atau kod etika yang ditetapkan.

Antara kejayaan dicapai penyelidik negara di persada antarabangsa:

1. Ketua Pusat Kejuruteraan Tisu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ruszymah Idrus dengan jayanya menumbuhkan kulit manusia di makmal menggunakan darah dan sel kulit pesakit itu sendiri.

Usaha ini akan dapat membantu mangsa kebakaran dan pesakit kencing manis pulih lebih cepat sambil mengeneipkan risiko penolakan tisu. Inovasi dalam kejuruteraan tisu kulit ini mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila mereka memenangi Anugerah Pingat Emas Geneva di Pameran Antarabangsa Ciptaan, Teknik dan Produk Baru pada 2004.

2. Profesor Dr Fatimah Md Yusoff dari Institut Biosains Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi penyelidikannya bertajuk 'Natural Booster Kit for High Quality Microalgal Production' dan Azlan Abdul Aziz (Fakulti Kejuruteraan) dengan penyelidikan 'A Long Term Triaxial Filtration Test System' yang memenangi emas dalam Pameran Antarabangsa Idea, Rekacipta dan Inovasi (IENA) 2006 di Nuremberg, Jerman.

3. Penyelidik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Dr Faridah Yusuf muncul satu-satunya wanita negara yang berjaya meraih pingat pada pertandingan Invention and New Product Exposition (Inpex) 2007 di Pittsburgh, Amerika Syarikat dengan hasil penyelidikan Carbon Nanotubes/Standard Malaysian Rubber Nanocomposite.

4. Penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr Mohamad Nasir Mohamad Ibrahim merangkul emas di pertandingan penyelidikan antarabangsa, 39th International Exhibition Of Inventions di Geneva, Switzerland 2011 melalui hasil penyelidikan, ViscoLigno iaitu formulasi lumpur gerudi yang berupaya mendatangkan manfaat besar dalam industri penggerudian.

5. Profesor Madya Dr Sheikh Hussain Sheikh Salleh dan Profesor Madya Dr Ahmad Zuri Sha'ameri dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memenangi pingat perak di Pameran Ciptaan Antarabangsa ke-29 di Geneva, Switzerland melalui sistem yang dapat mengesan seseorang itu menghidap penyakit angin ahmar dan jantung.